

23 DEC 1996

Fong-Penuntut

PENUNTUT IJAZAH PERTAMA DI LUAR NEGARA DIKURANGKAN

KUALA LUMPUR, 23 Dis (Bernama) -- Kementerian Pendidikan bercadang mengurangkan penghantaran penuntut kursus ijazah pertama ke luar negara secara berperingkat-peringkat bagi menggalakkan mereka melanjutkan pelajaran di negara ini.

Timbalan Menteri berkenaan, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata langkah itu selaras dengan dasar dan tujuan kerajaan untuk memperbanyakkan universiti-universiti tempatan serta menggalakkan penubuhan kolej-kolej swasta.

"Kita berpendapat sudah sampai masanya kita menggalakan mereka mendapatkan pendidikan di negara ini kerana mereka lebih memahami keadaan sekeliling dalam negara," katanya kepada pemberita di Parlimen, di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam, bahawa kerajaan akan mengurangkan penghantaran penuntut ke luar negara kerana ia gagal mencapai matlamat sebenar kerajaan.

Bagaimanapun Fong berkata kerajaan tetap menghantar penuntut mengikuti kursus ijazah pertama bagi kursus-kursus yang menghadapi kekurangan kepakaran seperti teknologi maklumat, teknologi tinggi dan perubatan di luar negara.

Beliau berkata kerajaan akan membina lebih banyak universiti tempatan supaya para penuntut tidak perlu lagi ke luar negara bagi melanjutkan pelajaran, yang secara langsung menjimatkan perbelanjaan.

Beliau juga berkata kerajaan akan terus menghantar penuntut yang mengambil kursus peringkat sarjana dan doktor falsafah ke luar negara kerana mereka bertindak sebagai ejen pembangunan teknologi.

Fong berkata Kementerian juga bimbang penuntut negara di luar negara mengamalkan sikap "berkampung" dan yang menyebabkan mereka gagal menguasai bahasa Inggeris serta berinteraksi dengan baik dengan masyarakat tempatan.

Setakat ini, seramai 14,000 penuntut negara berada di United Kingdom, 12,000 di Amerika Syarikat dan 11,000 di Australia.--BERNAMA

ERE NAK